

14 NOV 2001

PBS (Fokus Berita)

PBS MENGETUK PINTU BN

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 14 Nov (Bernama) -- Perwakilan ke kongres ke-16 Parti Bersatu Sabah (PBS) merujuknya dengan pelbagai nama tetapi tidak banyak yang menyaran secara terus terang supaya parti itu kembali semula ke dalam Barisan Nasional.

Ada yang mengistilahkannya sebagai hasara PBS untuk "menguukuhkan hubungan dua hala", ada pula yang mahu ia dianggap sebagai "untuk bekerjasama dengan parti-parti lain", malahan seorang wakil merujuk perkara itu sebagai "masuk kem dia orang" dan seorang lagi menyifatkannya sebagai "pergi ke sebelah sana".

Hanya seorang dua yang menyebut "masuk BN" bagi menjelaskan tentang harapan parti itu untuk memohon kembali ke pangkuan BN.

Apa juga istilah yang digunakan, hampir kesemua 19 anggota perwakilan yang menyertai perbahasan pada kongres itu, bersetuju agar soal mengenai kemasukan semula PBS ke dalam BN diserahkan kepada Majlis Tertinggi parti itu untuk menentukan.

Sebaik saja tamat kongres itu petang semalam, majlis itu mengadakan mesyuarat khas malam tadi dan bersetuju agar PBS kembali ke pangkuan BN secepat mungkin.

MT parti itu hanya mengambil masa dua jam untuk membuat keputusan.

"Berdasarkan petunjuk yang baik daripada Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) dan (Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah) Datuk Musa Aman, dan setelah mengambil kira pandangan dan kehendak perwakilan, kita telah memutuskan untuk memohon menyertai kembali BN," kata presiden parti Datuk Joseph Pairin Kitingan.

Langkah itu mendapat tindak balas positif daripada komponen-komponen parti BN di Sabah.

Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat yang juga Pengerusi BN negeri, berkata beliau secara peribadi amat gembira dengan keputusan itu.

"Sudah pasti. Kita berpendirian terbuka," katanya ketika ditanya sama ada PBS berpeluang untuk diterima kembali dalam BN.

PBS pernah menjadi komponen BN tetapi ramai yang masih ingat dengan kejutan menjelang hari pengundian pada pilihan raya umum 1990 apabila parti itu bertindak keluar untuk menyertai pakatan pembangkang kerana mendakwa ia "tidak diberi layanan adil" oleh BN.

Seorang anggota perwakilan ke kongres itu mahukan PBS dan BN sama-sama menunjukkan keikhlasan berhubung isu itu.

"Kedua-dua pihak kenalah buang yang keruh dan ambil yang jernih," kata wakil itu.

Chong yang juga Presiden Parti Liberal Demokratik, ketika ditanya sama ada PBS dan BN telah berbincang mengenai kemasukan semula itu berkata : "Kita bersahabat baik."

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN menyifatkan hasrat PBS itu sebagai satu perkara baik.

-- BERNAMA

JS MAI